



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA  
(JURNAL HARIAN)**

---

**PADA HARI ISNIN, 07HB., RAMADHAN 1445 / 18HB., MAC 2024  
(HARI KEEMPAT BELAS)**

**1. Do'a Selamat**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Pembangunan iaitu Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.
- 2.1.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu:

- i. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;
  - Memohon pencerahan akan sasaran kualiti sistem air bersih di Negara Brunei Darussalam iaitu keterjaminan air bersih kepada pengguna menjelang 2035; dan
  - Memohon pencerahan sekiranya terdapat perancangan untuk menyediakan sistem pembetungan di kawasan-kawasan tertentu khususnya di Kampung Danau dan Kampung Telisai, bagi menggantikan penggunaan tangki *septic* melalui *soakaway* yang didapati kurang berkesan.

- ii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
  - Mencadangkan untuk mewujudkan satu organisasi yang diiktiraf untuk menilai dan meneliti kualiti produk-produk binaan keluaran tempatan mahupun yang diimport dari luar negara, serta diberikan label jenama keselamatan bagi mana-mana produk yang memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak kerajaan;
  - Ingin mengetahui usaha-usaha dan kaedah yang diguna pakai oleh Kementerian Pembangunan dalam memastikan projek-projek kerajaan menggunakan bahan-bahan yang bermutu tinggi; dan
  - Menyeru agar kerja-kerja pembaikan tebing sungai di Rumah Panjang Kampong Teraja, Mukim Labi, Daerah Belait yang mengalami hakisan untuk diberikan perhatian yang sewajarnya.
  
- iii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
  - Ingin mengetahui langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan dalam memastikan aktiviti-aktiviti mengambil pasir di kawasan Sungai Paku Telisai Daerah Tutong menepati syarat-syarat yang disediakan khususnya dalam menjaga ekologi persekitaran;
  - Mencadangkan agar Kementerian Pembangunan mengemaskini nombor-nombor rumah di Negara Brunei Darussalam;
  - Mengharapkan Kementerian Pembangunan memberi perhatian kepada kerosakan struktur di Tatangan Persiaran Sungai Tutong dan menyediakan pelan-pelan transformasi bagi kawasan berkenaan mengikut tempoh beberapa tahun ke hadapan; dan
  - Ingin mengetahui jika terdapat perancangan untuk menaik taraf jalan di kawasan jalan lampu isyarat Lebuhraya Tutong Telisai pertemuan antara Jalan Enchi Awang dan Jalan Kuala Tutong iaitu di kawasan Kampong Sengkarai, Daerah Tutong dengan membina *flyover* bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

- iv. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee ;
- Memohon maklumat iaitu jumlah peratus permohonan *Construction Permits (CP)* yang telah memenuhi sasaran *timeline process* bagi tempoh 38 hari yang digariskan dalam panduan rasmi;
  - Menyoalkan rancangan untuk menambah baik jangka masa bagi proses *Occupational Permits (OP)*;
  - Mencadangkan agar dasar yang menghadkan aktiviti perniagaan sampingan di tingkat bawah bangunan untuk dipertimbangkan semula khususnya bagi menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) untuk menggunakan tingkat atas bangunan yang memberikan kadar sewa yang lebih kompetitif;
  - Memohon agar Kementerian Pembangunan dapat mengongsikan maklumat mengenai langkah-langkah yang diambil untuk menambah baik kerjasama di antara Kementerian Pembangunan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam meningkatkan ekosistem perniagaan di negara ini bagi memastikan pensejajaran dasar dengan matlamat secara kolektif dan mengelakkan sebarang usaha yang tidak produktif dan kurang efisien;
  - Memohon pencerahan terhadap pembangunan infrastruktur bagi pejalan kaki, pertimbangan bagi transit pengangkutan awam seperti bas dan kemudahan untuk orang berkeperluan khas serta orang kelainan upaya (OKU) di kawasan-kawasan perumahan diabaikan di dalam perancangan awal bandar;
  - Ingin mengetahui kemajuan yang telah dicapai sejak bengkel *ASEAN Sustainable Urbanisation Strategy (ASUS)* dijalankan;
  - Ingin mengetahui apakah inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi menyokong pertumbuhan dan perkembangan perniagaan-perniagaan seperti gerai tepi jalan dan perniagaan berasaskan di rumah atau

'*home-based businesses*' secara berkesan, dengan mengambilkira ketiadaan tapak strategik yang bersesuaian;

- Ingin mengetahui seberapa kerap pihak kerajaan menerima dan mengambil berat *input* orang awam ke dalam proses perancangan dan apakah langkah-langkah Skim Perumahan Negara dan perancangan komuniti menyediakan infrastruktur untuk menyokong kehidupan masyarakat yang sihat, *entrepreneurial* dan sejahtera.

v. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;

- Ingin mengetahui jika ada pelan-pelan strategik pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa ke arah membandarkan kawasan kampung termasuk menggazet kawasan-kawasan tanah status komersial dan seumpamanya; dan
- Memohon pencerahan mengenai jumlah nisbah yang digunakan bagi penyediaan satu tempat pembuangan sampah bagi setiap kawasan penempatan penduduk dan apakah perancangan masa hadapan bagi meningkatkan kualiti tempat-tempat pembuangan sampah yang lebih bersistematik.

vi. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir ;

- Memohon pencerahan mengenai siapa yang berhak menuntut tanah atau rumah Skim Perumahan Negara atau Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati di antara pihak kedua yang mempunyai hak ke atas rumah berkenaan berdasarkan perjanjian bertulis yang telah dipersetujui oleh pemilik asal, atau waris pemilik asal yang berhak menuntut rumah atau tanah;
- Menyoalkan mengenai tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Pembangunan jika pemilik tanah kurnia menjual tanah berkenaan tanpa kebenaran atau pengetahuan pihak kerajaan; dan

- Mencadangkan agar pemasangan batu-batu penanda di sepanjang jalan diberikan perhatian tentang kepentingan dan fungsinya kepada orang ramai terutama di kawasan jalan raya yang strategik.
- vii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman;
- Menyarankan *Highway Maintenance Unit*, Jabatan Kerja Raya diaktifkan semula;
  - Ingin mengetahui jika Kementerian Pembangunan dan Authoriti Kemajuan Daerah Temburong mempunyai rancangan untuk menambah rangkaian jalan raya Daerah Temburong kerana daerah ini akan menjadi pusat pertumbuhan di masa terdekat;
  - Menyoalkan bagaimana Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan akan memastikan kejadian rumah kosong disebabkan mengalami kerosakan tidak akan berulang dan semua unit perumahan berada dalam kondisi yang boleh didiami semasa penyerahan;
  - Menyeru Kementerian Pembangunan dan Jabatan Perumahan Negara supaya bersikap tegas dengan kontraktor dan memantau kerja-kerja mereka agar projek-projek yang siap dibina tidak *substandard*;
  - Menyoal mengenai jumlah tunggakan sewa perumahan negara yang tidak berjaya dikutip dan bagaimana Kementerian Pembangunan akan menyelesaikan isu ini;
  - Menyeru Kementerian Pembangunan untuk mengkaji kesesuaian pengemaskinian dasar dan syarat kelayakan untuk mendapatkan rumah di Skim Perumahan Negara;
  - Ingin mengetahui bagaimana pihak Kementerian Pembangunan dan Jabatan Kemajuan Perumahan mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan untuk membina rumah di bawah Skim Perumahan Negara dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) dengan penglibatan pihak swasta melalui modal *Public Private Partnership (PPP)*;

- Memohon pencerahan mengenai STKRJ sekiranya ia masih diteruskan dan menyatakan pendapat akan kesesuaian tanah-tanah di Daerah Temburong untuk diberikan bagi mempercepatkan kemajuan di daerah itu dan kawasan perumahan itu boleh dijadikan modal kawasan perumahan akan datang;
- Menyeru untuk dibuat kajian terhadap masalah kekurangan perbelanjaan kerajaan di dalam sektor pembinaan, kaedah perolehan kerajaan dan peraturan prosedur kerajaan yang melambatkan bayaran yang dialami oleh perunding profesional tempatan.

viii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;

- Memohon pencerahan sama ada Kementerian Pembangunan telah mencapai sasaran 70% pemilikan rumah pada tahun 2023 seperti yang dinyatakan dalam Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan 2018-2023;
- Ingin mengetahui strategi atau rancangan masa sederhana dan panjang selain daripada skim-skim perumahan negara yang ada pada masa ini bagi menangani isu perumahan dalam mencapai Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan yang mensasarkan 85% pemilik rumah pada tahun 2035;
- Menyeru Kementerian Pembangunan untuk mengambil pengajaran daripada negara-negara jiran seperti Singapura dan Malaysia dalam mana sebahagian projek-projek perumahan telah diswastakan untuk mengurangkan bebanan pihak kerajaan serta memperbanyakkan pembinaan perumahan yang mampu milik;
- Memohon pencerahan akan jumlah pembina berdaftar dengan *Authority on Building Control and Construction Industry* (ABCI) yang mempunyai kelayakan dan kelulusan di bidang teknikal seperti yang dipersyaratkan dalam Buku Prosedur

- Pendaftaran Pembina dan Kontraktor Kementerian Pembangunan 2020;
- Memohon pencerahan berkenaan jumlah jurutera dan arkitek orang asing yang telah berdaftar di bawah Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS);
  - Menyoalkan sekiranya jurutera dan arkitek asing yang tidak berdaftar dibolehkan memberikan perkhidmatan dan diiktiraf dalam profesion masing-masing;
  - Menyoalkan langkah-langkah untuk memastikan jurutera dan arkitek asing mengikut amalan terbaik mengikut profesion masing-masing, seperti yang digariskan oleh Kementerian Pembangunan serta Lembaga Arkitek, Jurutera Profesional dan Juruukur Bahan (BAPEQS);
  - Mencadangkan pihak Kementerian Pembangunan atau *Authority on Building Control and Construction Industry* (ABCi) untuk merebiu atau mengadakan pengawalan bagi mengelakkan kadar-kadar yang dikenakan untuk mendapatkan *Qualified Person* (QP) terlalu tinggi;
  - Ingin mengetahui jika terdapat usaha pihak Kementerian Pembangunan untuk memperkenalkan mekanisme kawalan harga bagi *Qualified Person* (QP);
  - Memohon pencerahan sekiranya terdapat rancangan untuk mewujudkan undang-undang bagi memelihara, memperbaiki dan menjaga kebersihan, persekitaran kawasan bangunan komersial sama ada dengan menubuhkan *joint management* atau *cooperation*;
  - Memohon pencerahan adakah rancangan prasarana *incinerator system waste to energy* yang dirancangkan termasuk sisa penjagaan kesihatan (*healthcare waste*) dan sisa perindustrian (*industrial waste*);
  - Ingin mengetahui lokasi dan tatacara pelupusan sisa penjagaan kesihatan (*health waste*) dan sisa industrial (*industrial waste*) dilaksanakan, dan

sekiranya dilaksanakan berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh *World Health Organization (WHO)*;

- Ingin mengetahui sekiranya peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan bagi tatacara pengurusan dan pelupusan sisa telah diwujudkan; dan
- Memohon penjelasan berkenaan status perkembangan dan pelaksanaan projek *Government Assets & Infrastructure System (GAIS)*; adakah berjalan seperti dirancang atau adakah terdapat kekangan untuk melaksanakan projek ini; dan bagaimana kementerian memastikan projek ini memberi impak yang signifikan.

ix. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;

- Ingin mengetahui kemaskini status berkenaan 26 tapak *land lease* yang dikeluarkan *Expression of Interest* atau *Request for Proposal*, dan sekiranya proses untuk memajukan tanah kerajaan melalui *Government Land Lease* sudah dikemaskini agar ia memakan masa yang lama;
- Menyoalkan langkah-langkah atau perancangan untuk bangunan-bangunan terbiar untuk dibukakan kepada syarikat swasta untuk dimajukan melalui kaedah *public-private partnership*, atau kawasan bangunan tersebut dapat dibangunkan rumah untuk menampung jumlah perumahan negara yang diperlukan;
- Menyoalkan langkah-langkah atau perancangan lain yang lebih kreatif untuk memperkasa penglibatan syarikat swasta tempatan untuk melabur dan membantu kerajaan dalam mengurangkan perbelanjaan kerajaan dan mempercepatkan pembangunan rumah perumahan negara;
- Ingin mengetahui jumlah rumah yang belum berdaftar di Jabatan Tanah dari lebih 30,000 unit yang telah siap sejak dulu;
- Menyoalkan berapa anggaran kutipan cukai tanah yang masih perlu dikutip dan adakah kutipan cukai



- bermula dari tarikh pendaftaran di Jabatan Tanah atau tarikh menerima kunci rumah;
- Menyarankan agar reka bentuk perumahan negara dibuat dengan ringkas yang telah *pre-approved design* oleh ABCi bagi menjaga keselamatan penghuni dan kemaslahatan jiran; dan mencadangkan untuk dipertimbangkan reka bentuk yang mesra bagi penambahan di masa akan datang;
  - Mencadangkan agar tanah-tanah kosong dalam kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) yang tidak dimajukan bertahun-tahun untuk ditawarkan kepada pihak swasta dan hasil pendapatan dari pajak atau sewa akan dikutip oleh pihak kerajaan;
  - Menyoalkan sekiranya terdapat perancangan untuk memperbaiki sistem pengkalan data dan permohonan secara talian bagi transaksi tukar milik, pendaftaran tanah dan sebagainya, dan mencadangkan untuk diadakan *push notifications* sebagai peringatan kepada pemilik tanah untuk membayar cukai tanah setiap tahun;
  - Memohon pencerahan mengenai pemasangan *smart meter* dalam mana terdapat aduan bil-bil air yang mencecah ratusan hingga ribuan ringgit walaupun tidak ada kebocoran paip dalam premis;
  - Menyoalkan bila *smart meter* akan dipasang di bangunan-bangunan kerajaan; dan
  - Mencadangkan agar taman-taman dan pantai di lokasi strategik untuk digazetkan di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk dibukakan tawaran kepada pelabur tempatan dan asing untuk dimajukan sebagai tarikan unik.
- x. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
- Menyarankan supaya diperkukuhkan peraturan bagi meningkatkan penglibatan *local business development* dalam industri pembinaan serta pemantauan telus dan kukuh perlu dilaksanakan bagi memantapkan *compliance* terhadap standard industri

pembinaan, dan juga latihan-latihan *competency and skill enhancement* juga perlu diadakan bagi anak-anak tempatan yang terlibat dalam industri pembinaan dari masa ke semasa;

- Menyoalkan strategi atau *option* yang berpatutan dan *viable* yang telah dirancang oleh Kementerian Pembangunan dan agensi-agensi berkaitan dalam menangani isu perumahan secara holistik;
- Memohon pencerahan mengenai langkah ke hadapan Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk menjana hasil tambahan bagi menampung perbelanjaan pemeliharaan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien khususnya, yang mana memerlukan penelitian mendalam sebelum diperkenalkan dan dilaksanakan.

xi. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;

- Menyeru agar pihak Kementerian Pembangunan meningkatkan infrastruktur dan memperkasa perkhidmatan kitar semula di Negara Brunei Darussalam untuk menangani pengurusan sisa secara berkesan;
- Ingin mengetahui tentang inisiatif khusus yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan untuk menurunkan kadar penjanaan sisa sebenar di Negara Brunei Darussalam dengan mengambil kira kadar semasa 1.2 kilogram per kapita sehari pada tahun 2023;
- Menyoalkan jika terdapatnya program atau kempen yang disasarkan bertujuan untuk mengurangkan pengurusan sisa seperti menggalakkan amalan penggunaan lestari (*sustainable consumption practices*) atau memberi insentif kepada usaha pengurangan sisa dalam kalangan industri dan isi rumah;
- Ingin mengetahui jika Kementerian Pembangunan membuat *research and development* ke arah

- membangunkan Pelan Pengurusan Sisa Negara (*National Waste Management Plan*) yang komprehensif untuk Negara Brunei Darussalam;
- Menyeru projek loji '*Waste to Energy*' *incinerator* dipercepatkan memandangkan tempat pelupusan Sungai Paku akan mencapai had kapasiti lebih awal daripada yang dijangkakan iaitu pada tahun 2030 dan mempertimbangkan pembinaan loji kitar semula yang canggih dan menyeluruh;
  - Menyeru agar memperketatkan undang-undang yang dalam pengurusan sisa untuk mengalihkan bahan buangan yang tidak dapat dikitar semula dari tapak pembuangan sisa;
  - Mencadangkan untuk meningkatkan kempen kesedaran awam di media sosial untuk mempromosikan amalan pembuangan dan pengasingan sisa yang betul terutamanya di peringkat rumahtangga dan memberi insentif kepada perniagaan dan orang-orang yang mengitar semula untuk mengamalkan amalan pengurusan sisa yang mampan;
  - Menyeru agar bekas kitar semula (*recycling bins*) diwajibkan di tempat awam termasuk bangunan kerajaan dan swasta;
  - Menyeru agar terdapat perancangan hidrologi yang telus dan integrasi analisis kos dan pendapatan dalam perkhidmatan air bagi memudahkan pembangunan metodologi tarif dan dasar yang berkesan bagi merangsang pengguna untuk menggunakan sumber secara cekap;
  - Menyoalkan tentang langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pembangunan untuk menyediakan peruntukan bagi mengendalikan proses rawatan air mentah secara efisien, menangani aduan ketiadaan air dan masalah air dari sumber lain, termasuk perancangan untuk melaksanakan proses desalinasi pada tahun 2035;

- Ingin mengetahui bagaimanakah kerajaan Brunei mengendalikan isu *Non-Revenue Water* yang dilaporkan sebanyak 33% - 45% air yang dirawat hilang dari saluran air negara pada tahun 2021 dan adakah terdapat data terkini yang menunjukkan penurunan dalam jumlah kehilangan air serta langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan perbelanjaan negara dari kerugian ini;
- Mohon pencerahan jika projek Perancangan dan Pengurusan *Non-Revenue Water* bagi Sistem Bekalan Air di Negara Brunei Darussalam dianggap sebagai langkah yang efektif bagi menangani isu *operation loss* dalam sistem bekalan air;
- Ingin mengetahui jika terdapat penurunan baki tunggakan air selepas pelaksanaan *Unified Smart Metering System (USMS)* dan apakah kesannya terhadap pengurangan tuntutan tunggakan air yang masih banyak di Negara Brunei Darussalam;
- Menyoalkan jika pihak kerajaan merancang untuk mengkaji semula sistem penentuan harga air khusus untuk sektor pertanian dan industri dengan tujuan merangsang inovasi dan penjimatan dalam penggunaan air; dan
- Ingin mengetahui apakah pelajaran yang dipetik oleh pihak Kementerian Pembangunan daripada gangguan bekalan air akibat gangguan bekalan elektrik pada bulan Oktober 2023 dan jika terdapat proses penilaian semula bagi *business continuity plan* bagi bekalan air bersih untuk mengelakkan kejadian serupa daripada berulang serta bagaimanakah kesan terhadap langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kebolehpercayaan sistem bekalan air dalam jangka panjang.

xii. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;

- Memohon pencerahan mengenai kemudahan-kemudahan *accessibility* yang ada di

- Negara Brunei Darussalam dan perancangan Kementerian Pembangunan mengenainya;
- Mencadangkan untuk meneliti dasar-dasar yang sedia ada dan mempertimbangkan untuk menguatkuasakan reka bentuk yang inklusif dengan penyediaan kemudahan-kemudahan yang menyokong *accessibility* bagi golongan-golongan warga emas dan istimewa sebagai salah satu syarat utama dalam pembinaan bangunan-bangunan dan tempat awam baru di Negara Brunei Darussalam;
  - Menyeru untuk meneliti bangunan-bangunan yang sedia ada sama ada bangunan kerajaan, swasta dan komersial serta tempat-tempat dan pengangkutan awam dan merancang penambahbaikan secara berfasa dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk mewujudkan kemudahan-kemudahan menyokong *accessibility* yang bersesuaian mengikut reka bentuk yang sedia ada;
  - Mencadangkan pihak Kementerian Pembangunan dan pihak-pihak lain yang berkepentingan untuk membuat kajian menyeluruh mengenai sistem infrastruktur jalan raya dan perancangan bandar dalam mengambil kira pertambahan jumlah pengguna kenderaan serta sistem pengangkutan awam yang terhad;
  - Menyeru agar hasil kajian hendaklah menetapkan dasar-dasar dan tindakan ke hadapan untuk menambah baik keadaan semasa sistem dan infrastruktur jalan raya dengan memberikan penekanan terhadap keperluan untuk menyediakan laluan khas bagi kenderaan-kenderaan kecemasan seperti ambulans; dan
  - Mencadangkan untuk meneliti dan memastikan kerja-kerja pembinaan atau penambahbaikan yang tidak *urgent* untuk dilaksanakan di luar waktu puncak dan memastikan bekas-bekas kerja pembinaan tidak ditinggalkan begitu sahaja oleh kontraktor-kontraktor yang boleh mengakibatkan kesesakan yang berganda.

- xiii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;
- Memohon pencerahan sekiranya pihak kerajaan akan mengenakan caj tol ke atas kenderaan asing yang menggunakan Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien seperti yang telah dikenakan kepada pengguna jambatan *ASEAN Bridge (The Batang Baram Bridge)*.
- xiv. Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan;
- Memohon pencerahan jika terdapat perancangan untuk mengatasi keluhan dari penduduk Rancangan Perumahan Tanah Jambu yang perlu menempuh perjalanan 12 kilometer untuk kembali ke persimpangan perumahan Tanah Jambu melalui Lebuhraya Muara-Tutong dan juga keluhan pemandu kereta ambulans menempuhi jalan yang terlalu jauh untuk sampai ke destinasi bagi panggilan kecemasan.
- xv. Yang Berhormat Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
- Ingin mengetahui kaedah untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti persiapan rumah yang dibina setiap tahun yang mampu milik dengan mengambilkira pembelanjaan tahunan kerajaan yang terhad;
  - Mencadangkan untuk memperkenalkan beberapa model pembiayaan (*financing model*) dan model pembayaran balik yang bersesuaian bagi skim perumahan negara;
  - Ingin mengetahui jika ada pelan untuk merebiu kesesuaian reka bentuk skim perumahan negara yang sedia ada dengan mengambilkira maklumbalas dari penerima-penerima sebelumnya;
  - Mencadangkan untuk menilai keperluan menubuhkan badan induk (*statutory board*) yang bebas seperti *housing development board* yang dianggotai oleh ahli-ahli profesional yang telah bersara dari agensi kerajaan dan badan swasta bagi mengelak *conflict of interest*;

- Memohon pencerahan jika terdapat pelan untuk mengambilkira maklumbalas daripada orang awam, pihak swasta dan agensi kerajaan lainnya berkaitan perancangan model perkampungan baru dalam skim perumahan negara dan pelan rancangan daerah;
- Ingin mengetahui sekiranya terdapat perancangan untuk membukakan tapak tanah kerajaan di Daerah Belait bagi skim penganugerahan tanah yang membolehkan penerima membina rumah persendirian dengan dana sendiri atau pinjaman perumahan;
- Menyoalkan mengenai status tindakan yang diambil berkaitan penubuhan jawatankuasa lembaga untuk mengawasi aset kerajaan di negara ini;
- Ingin mengetahui jumlah peruntukan bajet yang bakal disediakan untuk tujuan penubuhan jawatankuasa lembaga dan sasaran jangka masa bagi menyelesaikan masalah aset kerajaan yang kosong dan tidak digunakan pada tahun lalu;
- Memohon pencerahan langkah-langkah khusus yang telah diperkenalkan untuk menggalakan penggunaan teknologi hijau dalam pelbagai projek infrastruktur kerajaan;
- Ingin mengetahui langkah kementerian bagi menggunakan tenaga alternatif seperti tenaga suria atau *energy efficiency initiative* dalam projek-projek kerajaan;
- Menyeru untuk memberigakan program-program latihan dan bantuan kewangan bagi penggunaan inisiatif-inisiatif teknologi hijau di dalam projek-projek yang berkaitan dengan kementerian-kementerian;
- Menyoalkan mengenai tindakan pihak kerajaan bagi memastikan pelaksanaan teknologi hijau ini berjalan lancar dan memberi manfaat kepada persekitaran dan masyarakat;
- Ingin mengetahui jika terdapat perancangan Kementerian Pembangunan untuk memasang lampu *solar* di jalan-jalan raya yang jauh dari prasarana dan kawasan perumahan;

- Ingin mengetahui rancangan Kementerian Pembangunan untuk memastikan *estate developer* khususnya pemaju individu untuk didaftarkan dan dikenakan cukai; dan
- Memohon pencerahan sekiranya terdapat penelitian terhadap kesesuaian untuk ikut serta dalam *InterBorneo Railway Network* dan memastikan keperluan negara diambil kira.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI SELASA, 19HB MAC 2024 JAM 10.00 PAGI]**

---